A

Rani a/p Varatharajoo lwn Choong Kok Wai & Anor

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO 12–13 TAHUN 2000
RAMLY ALI H
18 JUN 2001

B

Ganti Rugi (Kecederaan Peribadi atau Kematian) — *Ganti rugi khas — Kehilangan mata pencarian — Tuntutan untuk kehilangan sebahagian mata pencarian — Plaintif mendapat pendatapan yang kurang selepas kemalangan — Sama ada kehilangan sebahagian mata pencarian patut diawardkan*

C

Lalu Lintas Jalanraya — *Kecuaian — Kewajipan penunggang motorsikal — Penunggang motorsikal defendan telah memasuki jalan utama dari selekoh dan berlanggar dengan penunggang motorsikal plaintif yang memandu di jalan utama — Kewajipan penunggang motorsikal untuk hanya memasuki jalan utama dari selekoh bila ia adalah selamat berbuat demikian dan selepas memberi jalan kepada kenderaan-kenderaan yang memandu di jalan utama — Sama ada defendan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk perlanggaran*

D

Ini merupakan rayuan oleh plaintif terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen dalam memperuntukkan tanggungan antara plaintif dan defendan pada kadar 50% setiap satunya dan dalam tidak membuat sebarang award kehilangan sebahagian daripada pendapatan masa depan. Berhubung dengan bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku, versi plaintif adalah bahawa beliau sedang berjalan dengan menunggang sebuah motosikal di sepanjang jalan utama bilamana beliau telah dilanggar oleh motosikal defendan. Pelanggaran tersebut telah berlaku ketika defendan sedang memasuki jalan utama daripada sebuah persimpangan. Versi defendan adalah bahawa beliau tidak nampak sesiapa di jalan utama ketika beliau keluar daripada persimpangan jalan tersebut. Defendan mendakwa bahawa plaintif telah melanggar belakang motosikal beliau. Atas isu tanggungan, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa penunggang motosikal yang memasuki jalan utama daripada sebuah persimpangan adalah bertanggungjawab untuk memberi laluan kepada kenderaan-kenderaan lain yang berada di jalan utama. Meskipun terdapatnya keputusan ini, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa plaintif dan defendan adalah sama-sama bertanggungan bagi kemalangan tersebut atas alasan bahawa plaintif masih belum membuktikan bahawa defendan masih berada di persimpangan jalan ketika beliau (plaintif) melintasi persimpangan tersebut. Satu jumlah sebanyak RM23,400 (berdasarkan tanggungan 100%) telah diawardkan sebagai ganti rugi am untuk kesakitan dan kesusahan yang dialami.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Ianya merupakan undang-undang trite bahawa sesebuah mahkamah rayuan tidak akan mengganggu keputusan hakim

perbicaraan. Walau bagaimana pun, mahkamah rayuan berkewajipan untuk mengganggu di mana terdapatnya salah-arahan di pihak hakim perbicaraan. Dalam kes semasa, mahkamah ini haruslah mempertimbangkan sama ada hakim perbicaraan telah tersalah pertimbangan dalam menaksir keterangan atau dalam mencapai satu kesimpulan berdasarkan keterangan yang sedia ada (lihat ms 727D–H).

(2) Ianya merupakan kewajipan menunggang motosikal tersebut untuk memasuki jalan utama daripada setiap persimpangan jalan apabila ianya selamat untuk melakukan sedemikian dan setelah memberi laluan kepada kenderaan-kenderaan yang bergerak di jalan utama tersebut. Berdasarkan atas prinsip ini dan fakta-fakta kes semasa, defendan bertanggungan sepenuhnya bagi perlanggaran tersebut. Persoalan sama ada motosikal defendan telah melanggar motosikal plaintif atau sebaliknya adalah tidak penting dalam menentukan tanggungan (lihat ms 728G, 729C–D).

(3) Dalam sebarang keadaan, keterangan yang tidak dipertikaikan menunjukkan bahawa defendan telah memasuki jalan utama daripada persimpangan jalan dengan cara yang tidak selamat, iaitu, pada jarak dua hingga tiga kaki dari motosikal plaintif dan tanpa memberi laluan kepada plaintif. Lagipun, cuaca pada hari itu sungguh cerah dan jalan utama merupakan sebuah jalan lurus. Oleh yang sedemikian, alasan defendan bahawa beliau telah tidak nampak plaintif adalah disebabkan lebih lagi oleh kecuaiannya sendiri. Sehubungan itu, hakim mahkamah sesyen telah tersalah pertimbangan dalam menaksir keterangan yang ada dan telah mencapai kesimpulan yang salah dan keputusan lebih awal mengenai tanggungan telah diketepikan. Oleh itu, defendan telah diputuskan bertanggungan sepenuhnya bagi pelanggaran tersebut (lihat ms 729D–F).

(4) Testimoni plaintif bahawa beliau mendapat pendapatan sebanyak RM60 sehari sebagai penoreh getah telah diberikan di bawah sumpah dan oleh itu boleh diterima masuk sebagai keterangan meskipun majikan plaintif telah tidak dipanggil untuk menyokongnya. Lagipun, defendan tidak mempertikaikan keterangan ini dan hakim perbicaraan tersebut telah juga menerima keterangan ini ketika beliau mengawardkan kehilangan pendapatan bagi satu tempoh selama satu bulan ketika plaintif beransur pulih selepas kemalangan tersebut pada kadar RM60 sehari (lihat ms 730G–H).

(5) Selepas kemalangan tersebut, plaintif telah bekerja di sebuah kilang di mana beliau menerima pendapatan sebanyak RM44 sehari, termasuk elaun makan. Ini tidak dipertikaikan oleh defendan. Oleh itu, menjangkakan bahawa plaintif bekerja 25 hari dalam sebulan, pendapatan bulanan beliau sebelum kemalangan tersebut adalah RM1,500 sedangkan, selepas kemalangan, beliau

berpendapatan sebanyak RM1,100 sebulan. Sehubungan itu, sebahagian kehilangan pendapatan masa depan plaintif RM76,800 (atau RM400 x 16 tahun x 12 bulan) (lihat ms 731G–H).

[**English summary**

This was an appeal by the plaintiff against the decision of the sessions court judge in apportioning liability between the plaintiff and the defendant at 50% each and in not making any award for partial loss of future earnings. As for how the accident had occurred, the plaintiff's version was that she was travelling on a motorcycle along the main road when she was hit by the defendant's motorcycle. The collision occurred as the defendant was entering the main road from a junction. The defendant's version was that he did not see anyone on the main road as he was coming out of the junction. The defendant alleged that the plaintiff had hit the rear of his motorcycle. On the issue of liability, the sessions court judge ruled that the motorist entering onto the main road from a junction was responsible for giving way to the other vehicles on the main road. Notwithstanding this ruling, the sessions court judge held that the plaintiff and the defendant were equally liable for the accident on the ground that the plaintiff had not proven that the defendant was still at the junction at the time when she (plaintiff) went pass the junction. A sum of RM23,400 (based on 100% liability) was awarded as general damages for pain and suffering.

Held, allowing the appeal:

(1) It was trite law that an appellate court would not interfere with the decision of the trial judge. However, the appellate court was obliged to interfere where there was misdirection on the part of the trial judge. In the instant case, this court had to consider whether the trial judge had erred in assessing the evidence or in arriving at a conclusion based on the available evidence (see p 727D–H).

(2) It was a duty of a motorist to enter the main road from a junction when it was safe to do so and after giving way to the vehicles travelling on the main road. Based on this principle and the facts of the present case, the defendant was wholly liable for the collision. The question of whether the defendant's motorcycle had hit the plaintiff's motorcycle or vice versa was secondary in determining liability (see p 728G, 729C–D).

(3) In any case, the undisputed evidence showed that the defendant had entered the main road from the junction in an unsafe manner, that is, two to three feet away from the plaintiff's motorcycle and without giving way to the plaintiff. Furthermore, the weather was fine on the day in question and the main road was a straight road.

As such, the defendant's excuse that he had not seen the plaintiff was more due to his own negligence. Accordingly, the sessions court judge had erred in assessing the available evidence and had arrived at a wrong conclusion and the earlier decision on liability was set aside. Hence, the defendant was held wholly liable for the collision (see p 729D–F).

(4) The plaintiff's testimony that she was earning RM60 per day as a rubber tapper was given under oath and therefore admissible as evidence even though the plaintiff's employer was not called to corroborate. Furthermore, the defendant did not dispute this evidence and the trial judge too had accepted this evidence when he awarded loss of earnings for a period of one month when the plaintiff was recuperating after the accident at RM60 per day (see p 730G–H).

(5) After the accident, the plaintiff worked in a factory where she earned RM44 per day, inclusive of meal allowance. This was not disputed by the defendant. Therefore, assuming that the plaintiff worked 25 days in a month, her monthly income before the accident was RM1,500 whereas, after the accident, she earned RM1,100 per month. Accordingly, the plaintiff's partial loss of future earnings was RM76,800 (or RM400 x 16 years x 12 months (see p 731G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi khas untuk kehilangan mata pencarian, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 1451.

Untuk kes-kes mengenai kewajipan penunggan motorsikal, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 331–338.

Kes-kes yang dirujuk

Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor [1987] 2 MLJ 693 (dirujuk)

Kek Kee Leng v Teresa Bong Nyuk Chin [1978] 1 MLJ 61 (dirujuk)

Lim Gaw Teong v Daniel & Anor [1968] 1 MLJ 277 (dirujuk)

Ng Chul Sia v Maimon bte Ali [1983] 1 MLJ 110 (dirujuk)

Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30 (dirujuk)

Oversea Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien & Anor [1988] 3 MLJ 332 (dirujuk)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395 (dirujuk)

Yap Yew Yee v Supramaniam & Anor [1972] 2 MLJ 53 (dirujuk)

Appeal from: Saman No 63–17 tahun 1998 (Mahkamah Sesyen, Temerloh)

A *K Venkatesware* (*Kanaga Suresh & Co*) bagi pihak perayu.
Azizi Ahmad Shaghir (*Othman Hashim & Co*) bagi pihak responden.

Ramly Ali H: Di dalam kes ini, perayu (Rani a/p Varatharajoo) adalah merupakan plaintif di dalam satu kes tuntutan ganti rugi akibat kemalangan jalanraya di Mahkamah Sesyen Temerloh. Pada 27 Jun 2000, Hakim Mahkamah Sesyen Temerloh telah memutuskan bahawa kedua-dua perayu/plaintif dan responden/defendan adalah masing-masing bertanggungjawab 50%:50% dari segi liabiliti kecuaian yang menyebabkan kemalangan tersebut. Sebagai kuantum ganti rugi hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan (berdasarkan liabiliti 100%) RM23,400 sebagai ganti rugi am serta faedah; dan RM2,040 sebagai ganti rugi khas serta faedah. Hakim mahkamah sesyen tidak membuat sebarang award bagi tuntutan 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan (partial loss of future earnings)'.

Perayu/plaintif telah membuat rayuan ke mahkamah ini berkaitan liabiliti dan kuantum (setakat yang melibatkan tuntutan bagi satu kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan sahaja).

Fakta kes

Fakta kes seperti yang telah diterima oleh hakim mahkamah sesyen adalah seperti berikut:

> Pada 25 Jun 1997, antara jam 11 pagi hingga 12 tengahari, satu perlanggaran telah berlaku di antara motosikal CAQ 5004 yang ditunggang oleh plaintif (SP3) dengan motosikal CQ 8627 yang ditunggang oleh defendan pertama (SD1) di satu persimpangan di hadapan Klinik Cheroh. Mengikut versi plaintif (SP3), beliau menunggang motosikalnya bersama seorang pembonceng dari arah Batu Malim menuju ke arah Cheroh, Raub. Jalan tersebut (Batu Malim — Cheroh Raub) adalah merupakan jalan utama. Mengikut plaintif, motosikal defendan telah keluar dari simpang Klinik Cheroh memasuki jalan utama Batu Malim — Cheroh, Raub dan bahagian hadapan motosikat defendan telah melanggar sebelah kanan tayar belakang motosikalnya. Kelajuan motosikal plaintif pada masa itu ialah 40 kmj. Mengikut plaintif lagi, masa mula-mula beliau melihat motosikal defendan, motosikal tersebut berhenti di simpang dan jaraknya ialah 18 kaki. Selepas itu motosikal defendan terus keluar dari simpang tersebut memasuki jalan utama apabila jaraknya hanya 2–3 kaki dari motosikal plaintif. Akibatnya perlanggaran telah berlaku. Plaintif telah membuat laporan polis melalui P–3. Kerosakan kepada motosikal plaintif adalah di bahagian sebelah kanan belakang; lampu depan pecah dan tempat pemijak brek.

Versi defendan ('SD1') pula ialah beliau telah keluar dari simpang tersebut selepas memastikan bahawa tiada kenderaan lain di jalan. Beliau telah masuk ke jalan utama dan membelok ke kanan. Pada masa itu, SD1 mendakwa motosikal plaintif telah melanggar sebelah kiri bahagian belakang motosikalnya. SD1 mengatakan beliau tidak nampak motosikal plaintif sebelum perlanggaran. Kerosakan kepada motosikal SD1 ialah lampu hadapan pecah, dan kerosakan lain kepada lampu isyarat sebelah kiri

di bahagian belakang, bateri dan cermin. Jalan adalah lurus dan cuaca baik. SD1 juga telah membuat laporan polis ('D7'). A

Pegawai penyiasat ('SP1') telah membuat rajah kasar dan kunci. Beliau mengesahkan terdapat kesan perlanggaran di atas jalanraya (jalan utama Batu Malim-Cheroh Raub) yang ditandakan sebagai B, B1 dan B2 di atas laluan plaintif menghala ke Cheroh. SP1 juga mengesahkan terdapat satu simpang di hadapan Klinik Cheroh di sebelah kanan jalan utama jika menghala ke arah Cheroh. B

Mengenai isu liabiliti, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemandu kenderaan yang keluar dari simpang untuk memberi laluan kepada kenderaan yang sedia ada di atas jalan utama (berdasarkan prinsip di dalam kes *Yap Yew Yee v Subramaniam & Anor* [1972] 2 MLJ 53). Walau bagaimanapun, hakim mahkamah sesyen telah memutuskan kedua-dua pihak (plaintif dan defendan) adalah bertanggungjawab bersama berdasarkan liabiliti 50%:50% kerana dalam kes ini, plaintif 'tidak membuktikan bahawa motosikal kedua (defendan) belum keluar simpang tersebut sebelum motosikal pertama (plaintif) melepasi simpang tersebut. C D

Sebagai ganti rugi, hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan RM23,400 sebagai ganti rugi am untuk kesakitan, penderitaan dan ketidakupayaan kekal berdasarkan 100% liabiliti. Hakim mahkamah sesyen tidak membuat sebarang award bagi 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan'. Malahan, di dalam alasan penghakiman beliau, beliau tidak langsung menyentuh tentang perkara ini. Mengenai kuantum, plaintif hanya merayu tentang isu ini sahaja, iaitu 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan'. E

Hujahan perayu F

Mengenai isu liabiliti, perayu menghujahkan bahawa defendan (SD1) semasa menunggang motosikalnya keluar dari simpang memasuki jalan utama, tanpa memberi laluan yang selamat kepada kenderaan yang menggunakan jalan utama, adalah cuai sepenuhnya dan 100% bertanggungjawab menyebabkan perlanggaran tersebut. Perayu juga menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen telah khilaf bila beliau memutuskan kedua-dua plaintif dan defendan sama-sama cuai (50%:50%) menyebabkan perlanggaran tersebut. Mengikut perayu, alasan hakim mahkamah sesyen, semasa memutuskan sedemikian yang 'pihak perayu tidak membuktikan bahawa motosikal kedua (defendan) belum keluar simpang tersebut sebelum motosikal pertama (plaintif) melepasi simpang tersebut', adalah tidak wajar dan tidak munasabah. G H

Mengenai isu kuantum (setakat yang melibatkan 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan'), perayu menghujahkan beliau patut diawardkan ganti rugi tersebut berdasarkan keterangan lisan beliau yang tidak dicabar dan dipertikaikan oleh pihak defendan semasa perbicaraan. Perayu menuntut RM400 sebulan bagi tempoh 16 tahun. Jumlah keseluruhan bagi ganti rugi ini ialah RM76,800. I

A *Hujahan responden*

Pihak responden pula menghujahkan bahawa hakim mahkamah sesyen tidak khilaf apabila memutuskan tentang liabiliti dan kuantum dalam kes ini. Peguam responden telah menimbulkan beberapa keterangan untuk menyokong hujahannya. Responden juga menghujahkan bahawa
B keputusan hakim mahkamah sesyen dalam kes ini adalah menyentuh soal fakta; oleh itu mahkamah ini tidak perlu campur tangan atau mengubahnya.

Mengenai isu kuantum pula, responden menghujahkan perayu telah gagal untuk membuktikan pendapatan hariannya (sebanyak RM60) sebelum kemalangan. responden menghujahkan bahawa keterangan yang ada hanyalah berdasarkan apa yang dikatakan oleh perayu sendiri semasa
C perbicaraan; dan perayu telah gagal untuk memanggil majikan beliau (pada masa itu) untuk memberi keterangan untuk mengesahkan perkara itu. Responden merumuskan bahawa tuntutan atas 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan' tidak dibuktikan dan sepatutnya ditolak.

D *Pendapat mahkamah*

Adalah merupakan satu undang-undang mantap bahawa sesuatu mahkamah rayuan tidak mudah untuk campur tangan dengan keputusan mahkamah perbicaraan mengenai fakta kerana undang-undang telah mengamanahkan tugas utama untuk menilai keterangan yang diberikan
E kepada mahkamah perbicaraan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan mempunyai kewajipan untuk campur tangan di mana mahkamah perbicaraan telah memberi satu salah arah (misdirection) yang asas kepada dirinya, di mana seseorang boleh berkata bahawa tiada mahkamah yang munasabah yang telah memberikan arahan yang betul dan bertanyakan soalan yang betul, akan mencapai kesimpulan yang serupa. Ini telah
F diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395.

Di dalam kes *Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor* [1987] 2 MLJ 693, Mahkamah Agong telah memutuskan di ms 694:

> In normal cases, the Appellate Court is reluctant to interfere with the judge's
G conclusion on the facts because as a trial judge he had the opportunity to see and hear witnesses and is in a better position to weigh their evidence ... unless the trial judge had failed to make proper use of this opportunity and has come to a wrong conclusion on the facts which in the circumstances necessitates the appellate court to interfere and prevent a miscarriage of justice.

H Jadi berdasarkan prinsip yang sedia ada, mahkamah ini perlu meneliti di dalam kes ini sama ada hakim mahkamah sesyen telah khilaf di dalam menilai keterangan-keterangan yang ada; atau telah mencapai satu pendapat (conclusion) yang salah berdasarkan keterangan-keterangan yang ada; atau gagal mengambilkira fakta-fakta yang material dan relevan; atau telah mengambilkira perkara-perkara yang tidak material dan tidak relevan
I di dalam mencapai keputusannya.

Adalah juga menjadi prinsip undang-undang bahawa beban untuk membuktikan kecuaian atas diri defendan adalah di atas beban plaintif,

melainkan jika terdapat fakta-fakta nyata di mana kecuaian tersebut dapat dianggap atau diandaikan (presumed). Ini adalah selaras dengan apa yang pernah diputuskan oleh Hashim Yeop A Sani H di dalam kes *Ng Chul Sia v Maimon bt Ali* [1983] 1 MLJ 110 di mana beliau mengatakan di ms 110:

> In an action for negligence the onus of proving the allegation of negligence ... on the person who makes it unless there are disclosed facts which raise a presumption in favour of the plaintiff.

Di dalam kes sekarang, keterangan tentang bagaimana perlanggaran berkenaan berlaku mengikut plaintif (SP3) dan defendan (SD1) dan juga rajah kasar yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat (SP1) tidak mempunyai perbezaan yang besar kalau ditinjau dari segi penentuan liabiliti masing-masing. Keterangan yang dapat dirumuskan ialah perlanggaran berlaku di satu simpang di hadapan Klinik Cheroh. Simpang tersebut memasuki jalan utama Batu Malim — Cheroh. Plaintif sedang menunggang motosikalnya di jalan utama tersebut, manakala defendan keluar dari simpang berkenaan memasuki jalan utama — iaitu ke laluan sebelah kiri jalan utama, jika menghala ke Cheroh. Laluan tersebut juga merupakan laluan sah plaintif pada masa itu. Kelajuan motosikal plaintif ialah 40 kmj. (Ini tidak dicabar oleh responden).

Mengikut rajah kasar, garis di atas jalanraya akibat perlanggaran tersebut adalah di laluan sebelah kiri jalan utama, iaitu laluan sah plaintif. Defendan (SD1) telah keluar dari simpang tersebut memasuki jalan utama semasa motosikal plaintif berada dua hingga tiga kaki daripadanya. (Ini juga tidak dicabar oleh responden). Mengikut plaintif, motosikal defendan telah melanggar motosikalnya. Defendan (SD1) tidak menafikan perlanggaran berlaku di simpang tersebut, semasa beliau menunggang motosikalnya keluar dari simpang berkenaan memasuki jalan utama ke sebelah kiri jalan tersebut menghala ke Cheroh. Mengikut defendan (SD1) semasa beliau berbuat demikian beliau tidak nampak langsung motosikal plaintif. Defendan juga mengatakan dalam keterangannya bahawa jalan utama di situ adalah lurus dan cuaca baik. Apa yang berbeza ialah mengikut defendan (SD1) setelah memasuki jalan utama tersebut, motosikal plaintif telah melanggar motosikal beliau dari arah belakang.

Mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pemandu sesebuah kenderaan yang keluar dari sesuatu simpang memasuki jalan utama untuk berbuat demikian dalam keadaan yang selamat setelah memberi laluan yang selamat kepada kenderaan yang menggunakan jalan utama. Prinsip pernah diputuskan di dalam kes *Yap Yew Yee v Subramaniam & Anor* [1972] 2 MLJ 53 dan *Kek Kee Leng v Teresa Bong Nguk Chin* [1978] 1 MLJ 61.

Di dalam kes *Yap Yew Lee*, Mohamad Azmi H mengatakan di ms 55:

> I think that the taxi driver on the main road was entitled in the absence of any traffic sign to warn him of any danger ahead or of any indication by the motorcyclist coming from minor side road, to assume that the motorcyclist would stop at the junction and give him the right of way. There was nothing the taxi driver could have done to avoid the accident, short of stopping immediately and allowing the plaintiff to pass in from of him, which under the

A circumstances of the present case quite impossible. I think that the folly of the plaintiff in entering into the main road without stopping at the junction cannot be regarded as foreseeable.

Manakala di dalam kes *Kek Kee Leng* pula, Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan di ms 64:

B When coming out of a side road onto a main road, the second defendant should select such a moment as would allow him to enter the main road with safety. This the second defendant failed to do. On the facts as well as the findings of the court, the learned judge should have held that the accident was caused solely by the negligence of the second defendant and the plaintiff was in no way to be blamed for the collision.

C Berdasarkan kepada prinsip di dalam kedua-dua kes di atas dan juga kepada fakta-fakta kes ini, mahkamah ini memutuskan bahawa defendan (SD1) adalah sepenuhnya 'liable' atau bertanggungjawab menyebabkan perlanggaran tersebut. Soal sama ada perlanggaran tersebut disebabkan oleh motosikal defendan melanggar motosikal plaintif atau sebaliknya tidak D begitu penting di dalam menentukan liabiliti di dalam kes ini.

Di dalam mana-mana keadaan sekali pun keterangan yang jelas (yang tidak dipertikaikan) ialah motosikal defendan (SD1) telah keluar dari simpang dan memasuki jalan utama dalam keadaan yang tidak selamat (iaitu dua hingga tiga kaki daripada motosikal plaintiff) tanpa memberi laluan yang selamat kepada plaintif, sebagai pengguna sah di jalan utama E pada masa itu. Alasan (seperti yang dikatakan oleh defendan) bahawa beliau tidak melihat kehadiran motosikal plaintif dalam keadaan jalan utama yang lurus dan cuaca baik, lebih menunjukkan sifat kecuaian dan 'kerakusan' defendan di dalam menunggang motosikalnya. Oleh yang demikian, mahkamah ini memutuskan bahawa keputusan hakim F mahkamah sesyen yang menetapkan liabiliti berdasarkan 50%:50% antara plaintif dan defendan dipinda menjadi liabiliti berdasarkan 100% ke atas defendan sepenuhnya, atas alasan bahawa hakim mahkamah sesyen telah khilaf di dalam menilai keterangan-keterangan yang ada dan akibatnya telah membuat satu 'conclusion' yang salah.

G *Isu kuantum*

Rayuan perayu berkaitan isu kuantum adalah terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen tidak membuat sebarang award bagi 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan' (partial loss of future earnings).

H Akibat kemalangan tersebut, perayu telah mengalami kecederaan 'fracture lower end of right radius, close comminuted fracture of right big toe bone.' Beliau dimasukkan ke Hospital Kuantan pada 25 Jun 1996 dan berada di sana selama satu malam. Beliau kemudian dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 9 September 1997 akibat kepatahan baru pada tulang iaitu 'closed fracture base of right 5th metacorpal'. Mengikut I laporan perubatan P-2:

Ms Rani a/p Varatharajoo has permanent disabilities of the right hand, right wrist and the right big toe. She will have difficulties to continue working as a

> rubber tapper. She will also have difficulties in undertaking activities that require running, jumping, climbing, carrying of weights and those involving the free use of the hands.

Hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan ganti rugi am bagi kesakitan, penderitaan dan ketidakupayaan yang kekal. Mahkamah tidak tahu mengapa hakim mahkamah sesyen tidak membuat sebarang award bagi 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan' sebab beliau tidak sama sekali menyentuh tentang perkara tersebut di dalam alasan penghakimannya. Sedangkan tuntutan tersebut ada terkandung di dalam pernyataan tuntutan.

Di dalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30, Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan di ms 33:

> Future loss of earning or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss, ie loss that is capable of assessment at the date of trial.

Mengenai isu ini, keterangan perayu adalah seperti berikut:

(i) pada masa kemalangan, perayu bekerja sebagai seorang penoreh getah;

(ii) pendapatan beliau sebagai penoreh getah ialah RM60 sehari;

(iii) akibat kemalangan tersebut, perayu tidak dapat bekerja selama setahun;

(iv) selepas setahun, perayu bekerja semula sebagai penoreh getah;

(v) pendapatan beliau menurun menjadi RM40 sehari — kerana beliau mempunyai masalah untuk menggunakan tangannya dan beliau lambat menoreh getah dan mengangkat getah tersebut;

(vi) selepas itu (hingga sekarang) perayu menukar kerja — bekerja di kilang dengan pendapatan sebanyak RM40;

(vii) perayu mengesahkan bekerja di kilang adalah lebih senang daripada bekerja sebagai penoreh getah;

(viii) perayu juga mengesahkan bahawa beliau menggunakan tangan kanannya untuk menoreh getah dan tidak dapat melaksanakan kerja tersebut dengan tangan kiri; dan

(ix) perayu juga mengesahkan, semasa pemeriksaan balas, bahawa RM60 yang dibayar sebagai penoreh getah adalah pendapatan bersihnya.

Keterangan mengenai pendapatan RM60 sehari (sebagai penoreh getah) adalah merupakan keterangan lisan perayu secara bersumpah. Ianya adalah merupakan satu keterangan yang sah dan boleh diterima sebagai keterangan walaupun tidak disokong dengan keterangan oleh majikannya. Pihak responden tidak mencabar atau mempertikaikan keterangan lisan tersebut. Malahan keterangan tersebut telah pun diterima oleh hakim mahkamah sesyen apabila beliau membenarkan tuntutan 'kehilangan pendapatan selama sebulan' berdasarkan kiraan RM60 (sehari) x 30 hari = RM1,800.

Di dalam alasan penghakiman, hakim mahkamah sesyen (ms 21 rekod rayuan), beliau menyatakan:

A Mahkamah percaya keterangan lisan beliau bahawa beliau bekerja sebagai penoreh getah pada masa kemalangan dan gajinya ialah RM60.

Keterangan lisan sedemikian yang diberikan secara bersumpah dan tidak dipertikaikan oleh pihak yang lagi satu, perlu diterima sebagai keterangan. Prinsip ini pernah diputuskan oleh Shanker H di dalam kes *Oversea*
B *Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien & Anor* [1988] 3 MLJ 332 di mana (di ms 334) beliau menyatakan:

> With respect to the registrar, where one party gives sworn uncontradicted testimony to prove a fact, that evidence must be accepted because there is nothing in the other end of the scales.

C Semasa di dalam pemeriksaan balas oleh peguam responden, perayu, dengan jelasnya, mengatakan:

> Pendapatan RM60 sehari sebagai penoreh getah untuk seorang. Jumlah pendapatan saya berdasarkan kepada kepingan buku getah. RM60 untuk saya selepas menolak kos RM60 ialah bersih.

D Peguam responden menghujahkan bahawa mahkamah patut tidak menghiraukan (disregard) keterangan lisan perayu mengenai isu tersebut tanpa memanggil majikannya. Mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa kegagalan perayu memanggil bekas majikannya untuk memberi keterangan tidak menjejaskan keterangan lisan beliau mengenai isu tersebut
E memandangkan keterangan lisan beliau tidak dicabar atau dipertikaikan secara serius oleh responden semasa beliau memberi keterangan. Di dalam kes *Lim Gaw Teong v Daniel & Anor* [1968] 1 MLJ 277, isu mengenai pendapatan plaintif telah ditimbulkan. Di dalam kes itu, plaintif bekerja sebagai mekanik motor, mendakwa pendapatan beliau ialah RM8 sehari. Plaintif tidak memanggil majikannya untuk mengesahkan pendapatan
F beliau. Ali H telah membenarkan tuntutan berkenaan dengan RM6 sehari.

Ini bermakna walaupun plaintif (dalam kes itu) gagal memanggil majikannya untuk mengesahkan pendapatan beliau, mahkamah boleh menerima keterangan lisan plaintif yang tidak dicabar secara serius oleh defendan, asalkan jumlah tersebut tidak melampau tinggi (exaggerated).

G Perayu semasa kemalangan berumur lebih kurang 21 tahun. Selepas kemalangan beliau sambung bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan yang berkurangan, iaitu RM40 sehari. Selepas itu beliau bekerja di kilang dengan pendapatan RM40 sehari. Beliau juga dibayar elaun makan RM4 sehari. Jumlah kesemua ialah RM44. Isu ini juga tidak
H dicabar oleh responden. Sebelum kemalangan, beliau bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan RM60 sehari. Dalam sebulan, beliau dijangka boleh bekerja selama 25 hari. Ini bermakna sebelum kemalangan pendapatan bulanan beliau ialah RM1,500. Manakala selepas kemalangan pendapatan bulanan beliau ialah RM44 x 25 = RM1,100.

Jumlah kekurangan pendapaan sebulan ialah RM1,500 – RM1,100 =
I RM400. Oleh itu, mahkamah ini membenarkan tuntutan 'kehilangan sebahagian pendapatan masa hadapan' seperti yang dituntut oleh perayu ialah RM400 x 16 tahun x 12 bulan = RM76,800.

Keputusan

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah memutuskan bahawa rayuan oleh perayu dibenarkan dengar kos.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

End of Volume 7